



SULIT

Our Reference :
JPPPW/LIC/2500/10/14

16 April 2014

Pemegang Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang

Tuan/Puan,

PENGEMUKAAN PERMOHONAN DI BAWAH AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011 (APPW)

Bagi menggalakkan perancangan yang lebih teratur oleh pemegang lesen dan memastikan permohonan pemegang lesen diproses dalam tempoh masa yang sewajarnya oleh Bank Negara Malaysia (Bank), Bank dengan ini, ingin memaklumkan berkuatkuasa 2 Mei 2014, pemegang lesen yang ingin mengemukakan permohonan di bawah APPW perlu berbuat demikian mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:-

No	APPW	Permohonan	Tempoh masa bagi kemukakan permohonan
1	Seksyen 21(1)	Membuka atau menempatkan semula suatu pejabat	Dikemukakan pada bulan Mac dan Ogos
2	Seksyen 30(1)	Pelantikan pengarah dan ketua pegawai eksekutif	Dikemukakan pada bulan pertama setiap suku tahun tersebut seperti berikut: Suku tahun 1 – Januari Suku tahun 2 - April Suku tahun 3 - Julai Suku tahun 4 - Oktober
3	Seksyen 32(2)	Pemegang syer substansial yang baru	
4	Seksyen 33(2)	Membuat perubahan dalam struktur pemegangan syer yang mengakibatkan perubahan dalam kawalan perniagaan perkhidmatan wang (<i>change in control</i>)	
5	Seksyen 42 dan 43 (untuk prinsipal yang diluluskan untuk melantik ejen)	Pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wang	

2. Bank akan hanya memproses permohonan di atas mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti di atas. Sekiranya permohonan tersebut diterima di luar jadual tersebut, Bank menganggap bahawa permohonan tersebut diterima pada jadual hantaran yang berikutnya, melainkan dalam kes-kes tertentu yang memerlukan tindakan segera pihak Bank. Sebagai contoh, sekiranya permohonan di bawah seksyen 21(1) APPW, ia itu untuk membuka cawangan baharu diterima oleh Bank pada bulan April, iaitu selepas daripada waktu hantaran bulan Mac, maka Bank menganggap bahawa permohonan tersebut diterima bagi waktu hantaran bulan Ogos.

Sekian, harap maklum

Yang benar,



(Shahariah Othman)

Pengarah

Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang